

09 OCT 1997

MSC: CABARAN KEPADA USAHAWAN KECIL DAN SEDERHANA
(Laporan Khas)

Oleh: NORAYANI ISMAIL dan M. HAMZAH JAMALUDIN

KUALA LUMPUR: Di sudut sebuah pangsapuri, Ahmad yang berusia pertengahan 20an menghabiskan kebanyakan masa di hadapan komputer multimedia serba barunya.

Walaupun pada ketika yang sama teman sebayanya lebih senang menonton filem-filem terbaru, Ahmad tetap setia meneruskan kerja, dengan jejari bergerak lincah di papan kekunci manakala tangan kanannya sibuk menggerakkan tetikus komputer.

"Ahmad" di sini merupakan satu ilustrasi. Namun di luar sana iaitu di sudut bilik tidur dan ruang tamu sejumlah rumah, wujud "Ahmad" yang berusaha mendapatkan wang sejuta ringgit sulung mereka melalui usaha sedemikian.

Kewujudan Koridor Raya Multimedia (MSC) yang dipelopori Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai tapak ujian produk, penyelesaian dan aplikasi multimedia mungkin menjadi jawapan kepada kehendak mereka seperti "Ahmad" yang turut mewakili usahawan kecil dan sederhana.

Bahkan, bandar pintar MSC, Cyberjaya sendiri merancang untuk menyediakan tempat untuk syarikat kecil dan sederhana beroperasi dan menjalankan penyelidikan dan pembangunan mereka sebagai sebahagian daripada kelompok Penyelidikan dan Pembangunan MSC.

Namun masih terdapat usahawan tempatan yang merasa terancam dengan hasrat kerajaan untuk membuka pintu kepada syarikat dan pakar asing dengan mengecualikan permit kerja dan cukai terhadap mereka.

Hasil promosi dan usaha gigih Dr Mahathir sendiri, MSC berjaya menarik perhatian dan menarik penyertaan syarikat teknologi maklumat (IT) gergasi seperti Sun Microsystems dari Amerika Syarikat dan Nippon Telephone and Telegraph (NTT) dari Jepun.

"Saya rasa industri tempatan yang masih merangkak akan menerima bahananya jika MSC dibuka kepada syarikat asing yang besar tanpa sebarang sekatan," kata Hock Toh, pengarah sebuah syarikat pos produksi multimedia dan penyiaran tempatan.

Presiden Persatuan Multimedia Interaktif (IMA) Gerard KM Lim pula berkata kekusaran masih ada di kalangan syarikat kecil dan sederhana tempatan mengenai perkara tersebut walaupun kebanyakan mereka kini lebih memahami konsep MSC.

"MSC dipromosi sedemikian rupa (untuk menarik syarikat besar) atas satu alasan mudah, negara kita lebih cenderung terhadap pelaburan asing secara langsung."

"Kita memang memerlukan syarikat-syarikat besar sedemikian untuk menjadi penentu arah industri IT atau "web shapers" masa depan, tetapi ia tidak sepatutnya menghalang syarikat tempatan menjadi salah satu daripadanya," tegas Lim.

Kewujudan "web shapers" menurut beliau berpotensi meningkatkan peluang pekerjaan dan perniagaan berkaitan IT.

Bagaimanapun, setiausaha tetap Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan Tengku Datuk Dr Azzman Shariffadeen berkata usahawan tempatan perlu memahami konsep MSC secara keseluruhan.

"Kita selalu lupa MSC sebenarnya bertujuan menjalinkan hubungan, antara orang luar dan tempatan, antara dunia barat dan timur, dan MSC merupakan tempat untuk mereka menggembelng tenaga menghasilkan produk multimedia baru," kata Tengku Dr Azzman, presiden Mimos Berhad.

Beliau memberi contoh yang berlaku di Lembah Silikon, Amerika Syarikat

yang memperlihatkan syarikat kecil menjadi ancaman kepada syarikat besar.

Ini menunjukkan besar atau kecilnya sesebuah syarikat itu tidak menjamin kejayaan mereka.

"Para usahawan (kecil dan sederhana) boleh menjayakannya di MSC. Sistem inkubator seperti yang disediakan di Cyberjaya boleh membantu mereka," katanya.

Pembiayaan dan pemasaran produk turut menjadi isu yang perlu ditangani segera apabila nasib usahawan tempatan diperkatakan.

"Pembiayaan memang menjadi isu utama," tegas Lim.

Menurut beliau, walaupun Bursa Dagangan Sekuriti dan Sebut Harga Automasi Malaysia (Mesdaq) diwujudkan bagi membantu syarikat meraih pembiayaan, syarat modal minimum RM2 juta yang dikenakan amat membebankan terutamanya bagi mereka yang baru memulakan perniagaan.

"Dalam bidang teknologi tinggi, untuk menghasilkan produk kita memerlukan sumber yang kukuh di samping tenaga kerja, peralatan dan teknik pemasaran yang berkesan."

"Kita bercakap mengenai operasi besar dan wang tunai. RM2 juta merupakan jumlah yang besar," katanya.

Lim berkata disebabkan kekurangan modal, banyak usahawan berhempas-pulas untuk menyediakan peruntukan gaji di samping terpaksa mengeneipkan projek penyelidikan dan pembangunan.

"Mereka akhirnya terpaksa beroperasi sebagai syarikat komputer biasa yang menjual komputer peribadi untuk mendapatkan wang," katanya.

Sungguhpun kerajaan dijangka mengumumkan peruntukan tabung penyelidikan dan pembangunan berjumlah RM100 juta untuk syarikat MSC akhir tahun ini, Lim berkata kerajaan perlu menggalakkan industri yang menyediakan perkongsian modal untuk membantu usahawan.

"Kita tidak boleh mengharap kerajaan menyediakan RM100 juta tahun ini dan kemudian RM200 juta tahun depan. Kerajaan juga mempunyai keupayaan kewangan yang terhad," katanya.

Tengku Azzman, bagaimanapun berkata usahawan seharusnya yakin bahawa kreativiti dan produk mereka akan mendapat sokongan institusi kewangan yang menyediakan perkongsian modal.

Dengan adanya khidmat ini, syarikat kecil boleh mendaftar dengan Mesdaq dan mendapatkan modal yang diperlukan untuk merealisasikan idea dalam bentuk produk di samping menyediakan pelan pemasaran yang berkesan.

"Kreativiti bukannya boleh diperolehi begitu sahaja, ia datang dari minda seseorang. Anda tidak memerlukan RM2 juta untuk menjadi kreatif," katanya.

"Anda hanya memerlukan masa untuk bersendirian dan sebuah komputer peribadi yang mempunyai sambungan Internet bagi mengembangkan idea kreatif. Kalau komputer pun tak ada, bolehlah pinjam komputer saya," katanya bersahaja.

Tengku Dr Azzman dengan yakin menambah: "Jika idea yang tercetus benar-benar kreatif, meyakinkan serta boleh dikomersilkan... sudah tentu ada syarikat swasta berminat membiayainya."

Sudah tentu persoalan mengenai peranan usahawan dalam MSC akan terus dibangkitkan di masa akan datang dan ia bukan sesuatu yang ganjil kerana MSC itu sendiri merupakan satu konsep baru bukan sahaja untuk Malaysia bahkan kepada dunia.

Menurut Lim, tentunya ramai usahawan baru atau "Ahmad" yang akan melakukan yang terbaik untuk berjaya dalam MSC tetapi berkemungkinan 80 peratus daripada mereka tidak mencapai apa yang diimpikan.

Namun, daripada 20 peratus "Ahmad" yang berjaya, kita bakal menemui "Bill Gates" kita sendiri dan membuktikan MSC projek yang boleh membuahkan hasil, katanya. -- BERNAMA

NI HJ RS